



**SURAT KELILING JABATAN PERDANA MENTERI BIL: 4/2015
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM**

**PELAKSANAAN PROGRAM PENGGREDAN PRESTASI SEKTOR AWAM (3PSA)
MELALUI PENARAFAN BINTANG**

Pada menjunjung titah Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dengan ini dimaklumkan bahawa Jabatan Perdana Menteri melalui Jabatan Perkhidmatan Pengurusan akan melaksanakan Pengauditan Pengurusan bertajuk Program **PENGGREDAN PRESTASI SEKTOR AWAM (3PSA) MELALUI PENARAFAN BINTANG** dalam Perkhidmatan Awam Negara Brunei Darussalam. Program ini dilaksanakan sebagai tambahan kepada fokus / skop Pengauditan TPOR yang telah dijalankan sejak tahun 2003 dan hanya memfokus kepada prestasi pemberian perkhidmatan.

1. Konsep 3PSA

- 1.1 3PSA merupakan salah satu sistem penilaian yang dihasratkan akan dapat memberikan pengiktirafan / penghargaan kepada kementerian dan jabatan kerajaan yang telah berusaha ke arah peningkatan kecekapan, keberkesanan, prestasi, produktiviti dan kualiti penyampaian perkhidmatan. Pengiktirafan/ penghargaan ini merupakan salah satu ciri penting dalam menggalakkan usaha-usaha penambahbaikan dan pembaharuan yang berterusan dalam Perkhidmatan Awam.
- 1.2 3PSA akan menilai dan mengukur prestasi Perkhidmatan Awam, meliputi penilaian terhadap perkara-perkara yang dikira sebagai pengurusan teras / utama (*core business*) kepada sesebuah organisasi. Ini meliputi penilaian mengenai:
 - a. Strategi dan Perancangan;
 - b. Dasar dan pelaksanaan;
 - c. Sumber Manusia; dan
 - d. Pemeduliaan Pelanggan.



2. Objektif 3PSA

2.1 Objektif memperkenalkan program ini adalah untuk:

- a. Menilai dan mengukur prestasi setiap agensi Kerajaan ke arah memastikan penyampaian perkhidmatan berada di tahap yang cemerlang;
- b. Menggalakkan persaingan yang sihat di kalangan agensi Kerajaan dalam amalan pengurusan organisasi dan penyampaian perkhidmatan yang lebih cekap dan berkesan;
- c. Meningkatkan kesedaran mengenai kepentingan untuk meningkatkan prestasi, kualiti dan produktiviti kerja di kalangan pegawai dan kakitangan Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam;
- d. Memberi penghargaan dan pengiktirafan secara formal kepada agensi Kerajaan yang telah menunjukkan tahap tadbir urus yang terbaik (*good governance*) serta sentiasa meningkatkan kualiti perkhidmatan yang unggul;
- e. Membantu dalam memberkesankan lagi usaha-usaha penambahbaikan dan pembaharuan yang telah / sedang / akan dilaksanakan dalam Perkhidmatan Awam Negara Brunei Darussalam; dan
- f. Memberi promosi yang meluas mengenai dasar, strategi, mekanisme dan amalan terbaik yang dapat dijadikan sebagai tanda aras (*benchmark*) dalam Perkhidmatan Awam Negara Brunei Darussalam serta pengurusan prestasi dan kualiti yang telah membawa kejayaan kepada organisasi.

3. Proses Pelaksanaan

3.1 Proses pelaksanaan 3PSA ini melibatkan perjumpaan kemasukan (Entrance Meeting); Fieldwork; Penyediaan Laporan; dan Perjumpaan Terakhir (Exit Meeting).



- 3.2 Wajaran dan pemarkahan akan dibahagikan mengikut dua dimensi penilaian di mana 40% daripada jumlah keseluruhan diberikan kepada penilaian ke atas dimensi pembolehdaya (*enablers*), manakala 60% lagi akan diberikan kepada penilaian ke atas dimensi pencapaian (*results*).
- 3.3 Penarafan bintang akan diberikan hasil daripada wajaran yang telah diperolehi melalui penilaian yang dilaksanakan.
4. Garis Panduan Penggredan Prestasi Sektor Awam (3PSA) Melalui Penarafan Bintang yang menerangkan konsep, skop penilaian, proses pelaksanaan dan penarafan bintang diedarkan bersama sebagai panduan dan rujukan kementerian dan jabatan dalam memahami proses pelaksanaan 3PSA dengan lebih mudah. Ianya juga boleh dilayari melalui laman sesawang Jabatan Perkhidmatan Pengurusan, <http://www.msd.gov.bn>.
5. Surat Keliling ini berkuatkuasa mulai 01 April 2015.
6. Dengan berkuatkuasanya Surat Keliling ini, maka Surat Pemberitahuan Jabatan Perdana Menteri bilangan 1/2003 bertarikh 20 Mei 2003 mengenai Pengauditan TPOR adalah dengan ini dimansuhkan.

Sekianlah sahaja yang dapat dimaklumkan pada menjunjung titah Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam.

"HORMAT-MENGHORMATI, NEGARA AMAN"

[YAHYA BIN HAJI IDRIS]

Setiausaha Tetap

Jabatan Perdana Menteri
Istana Nurul Iman
Bandar Seri Begawan BA 1000
Negara Brunei Darussalam

Rujukan : (4) JPM/SK/2015
Tarikh : 10 Jamadilakhir 1436
31 Mac 2015